

39th ISL



JENDELA PEMIKIRAN UMMAH

dakwah

www.dakwah.com.my

MEI / JUN 2017 | SYA'BAN / RAMADHAN 1438H

MAJALAH INI MENGANDUNGI
AYAT SUCI AL-QURAN,
PELIHARALAH KESUCIANNYA

*Merancang,
Jalan Para
Rasul*



**Hati Ini
Terbuat
Dari Apa?**

**NASIB BAIK
TIDAK JADI
YAHUDI**

HARGA
RM 8.00 SEM. MALAYSIA
RM 10.00 SEH / SWK


**Pengajaran
Buat Si Dewasa**

**GILA
MEROYAN?**
Ketika ini ia memerlukan
belaian kasih sayang...



ISSN 0126-5938

9 770126 593007


MUHASABAH

**UJIAN
PRASANGKA
SI GADIS SEKSI**


JAUHAR HIKMAH

**PELAJARAN
DARIPADA
SEGELAS KOPI**



TOPIK

- 08 Kisah Benar Disebalik Filem "Sunk Into The Womb"
17 Tips Untuk Encik Suami

SEJENAK

- 22 Mengapa Rezeki Selalu Lambat?

FOKUS

- 28 Sisi-Sisi Gelap Dunia Siber

WAWANCARA

- 32 Kasih Sayang Suami Hindar Meroyan

ZIHIN MUKMIN

- 34 Yang Lebih Utama...

KOMENTAR

- 40 Jihad Utama Ummah Masa Kini

ANALISIS

- 45 Paskah Dan Krismas Bukti Yesus Bukan Tuhan!

LANGIT TERBUKA

- 57 Trump Dan Janji "Muslim Ban"

WACANA

- 61 Pupusnya Mahasiswa Lelaki Di IPTA

KEMBARA SANG PENDOSA

- 68 Bara Yang Tidak Pernah Padam (Bahagian Keempat)

HIKMAH

- 76 Bahawa Hidup Dan Matiku, Hanya UntukMu...

FIKRAH

- 78 Proses Tertutupnya Hidayah

TOKOH AGUNG

- 84 Julaibib, Sahabat Yang Dimuliakan

CERPEN ISLAMI

- 86 Panas

ANAK MUDA

- 90 Taati Ibu Bapa

RESENSI

- 101 Menghayati Perjuangan Ulama Alam Melayu

TAFSIR

- 106 Empat Tanda Diterima Taubat

MUTIARA HADIS

- 113 Perbelanjaan Berhemat Bahagiakan Rumah Tangga

JENDELA PEMIKIRAN UMMAH
dakwah

(www.dakwah.com.my)

MEI / JUN 2017

BIL:39/2017

ISSN: 0126-5938

Penerbit

Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia,
Kompleks Islam Putrajaya,
Aras 4 Blok D, No.3 Jalan Tun Razak, Presint 3,
62100 Putrajaya.

PENAUNG

YB Mejar Jeneral

Dato' Seri Jamil Khir Baharom (B)

PENASIHAT

Dr. Yusri Mohamad

KETUA EDITOR

Mohd Shauki Abd Majid

EDITOR

Noorzihan Mohamed Yin

SIDANG REDAKSI

Dr. Salem Yunus Lingasa

Amin Fadlillah

Siti Suhafzan Sh Ibrahim

Zalilah Bahari

Masitah Esa

GRAFIK

Ahmad Hafizuddin Mohd Salleh

BACA PRUF

Rusmawati Saroni

LANAM WEB

Mohd Ramzi Hassan

PEMASARAN

Unit Pemasaran YADIM

PENCETAK

Percetakan MZ Permai Sdn. Bhd.




Rencana yang tersiar tidak semestinya menggambarkan pendapat yayasan ini. Isi kandungan majalah ini boleh dipetik atau disiarkan dengan mendapat keizinan daripada pihak Yang Dipertua atau Ketua Editor.



"like" us on
facebook

Majalah Dakwah



COVER photography design

PENULIS KEHORMAT

Prof. Dato' Dr. Mahmood Zuhdi Abd Majid

Prof Dato, Dr. Sidek Baba

Dato' Dr. Ismail Ibrahim

Dato' Dusuki Hj. Ahmad

S.S. Datuk Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri

KOLUMNIS

Prof Dr. Muhaya Mohamad

Prof Dato' Dr. Idris Zakaria

Prof Madya Dr. Shamrahayu Ab. Aziz

Prof Madya Dr. Abdul Salam Muhamad Shukri

Prof Dr. Mohd Ridhuan Tee Abdullah

Dr. Amini Amir Abdullah

Dr. Saodah Abd Rahman

Dr. Wan Mohd Azam Wan Mohd Amin

Dr. Amida Abdulhamid (Anis)

Dr. Mohd Shukri Hanapi

Dr. Muhamad Razak Idris

Amiza Khusyri Yusof

Mohd Gunawan Che Ab. Aziz

Mohd Nazali Mohd Noor

Ustazah Isfadiah Dasuki

Sebarang sumbangan artikel boleh dialamatkan kepada Ketua Editor. Editor berhak menyunting tulisan yang diterima selagi tidak mengubah isinya. Jika karya tidak disiarkan dalam tempoh enam bulan selepas dihantar kepada editor, karya itu dianggap tidak akan disiarkan. Editor tidak bertanggungjawab atas kehilangan tulisan atau karya yang dikirinkan melalui pos. Apabila anda mengirinkan sebarang tulisan, sila catatkan nama sebenar (di samping nama pena, jika ada), nombor kad pengenalan, alamat, nombor telefon dan nombor akaun bank. Tanpa maklumat ini, tulisan yang dikirim kepada kami tidak akan disiarkan. Sila nyatakan sama ada makalah yang dihantar kepada Majalah Dakwah juga dihantar kepada penerbit lain ataupun tidak.

Majalah Dakwah

Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia

Kompleks Islam Putrajaya,

Aras 4 Blok D,

No. 3 Jalan Tun Razak Presint 3,

62100 Putrajaya.

Tel: 03-8870 3870 Fax: 03-8870 3871

email: noorzihan@yadim.com.my



WACANA



Oleh RAUDLOTUL FIRDAUS
 FATAH YASIN DAN MOHAMMAD
 FAKRULRAZI ABDULLAH

Pupusnya Mahasiswa Lelaki Di IPTA

Walau bagaimanapun, kenyataan ini tidak pula cuba menafikan kelayakan pelajar wanita memasuki IPTA. Hal ini kerana Islam meletakkan kedudukan lelaki dan wanita sama dari sudut *karamah insaniyyah* kerana masing-masing memiliki akal, naluri dan keperluan jasmani. Akan tetapi, mereka berbeza dari aspek pengkhususan, kecenderungan dan gaya berfikir menyebabkan keduanya diberi aturan yang berbeza.

SEJARAH PERKEMBANGAN

Jika diteliti dengan halus, sistem pendidikan di Malaysia sebelum tahun 1990-an tidak memberikan ruang yang luas kepada wanita menyebabkan ramai lelaki bersekolah dan akhirnya menguasai bidang pekerjaan. Keadaan ini berterusan sehinggalah berlaku pemberdayaan potensi kaum wanita seluruh dunia di bawah United Nations International Childrens Emergency Fund (UNICEF).

Penekanan kepada kebijakan dan pemerksaan wanita boleh dilihat dengan tergubalnya Dasar Wanita Negara pada lewat 1980-an, penumpuan khusus terhadap wanita dalam Rancangan Malaysia ke-enam (1990-1995) dan paling utama tertubuhnya Kementerian khas untuk isu-isu berkaitan wanita iaitu Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat pada 2001.

Ekoran daripada itu, sistem pendidikan di Malaysia mengalami sedikit sebanyak perubahan tanpa sedar di mana perubahannya lebih mirip kepada sistem pendidikan yang diamalkan di Amerika. Natijahnya, pada awal tahun 1990-an, fenomena kepupusan lelaki di IPTA bermula. Selaku seorang Pakar Dasar Kepimpinan dan Mantan Pengarah yang merangka program sizwazah menganggur di Malaysia pada tahun 1986, Profesor Madya Dr. Azahari Ismail berkata sebelum tahun 1800, masyarakat Barat dikuasai oleh golongan lelaki.

Mutakhir ini, kepupusan pelajar lelaki di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dilihat sebagai satu fenomena yang mengundang kebimbangan pelbagai pihak termasuk institusi pengajian itu sendiri. Berdasarkan statistik kemasukan pelajar ke IPTA bagi sesi pengajian 2008/2009 menunjukkan pelajar wanita mendominasi dengan kemasukan 64.5 peratus berbanding 35.5 peratus lelaki, manakala kepupusan pelajar lelaki semakin ketara pada sesi pengajian 2014/2015 di mana pelajar wanita meningkat kepada 69.5 peratus berbanding pelajar lelaki iaitu 30.5 peratus. Statistik ini menunjukkan bahawa fenomena ini berada ditahap yang agak kritikal dan dibimbangi akan memberi implikasi besar kepada agama, sosio-ekonomi dan psikologi masyarakat khususnya institusi keluarga kerana pada asasnya, lelaki adalah ketua keluarga.



Maka bagi memenuhi keperluan masyarakat, sistem pendidikan Barat dicipta lebih kondusif kepada lelaki.

Perkara ini berterusan sehinggalah berlakunya gerakan mendapatkan hak sama rata untuk wanita di Amerika di mana pakar-pakar akademik wanita mencari jalan mengimbangi gender dalam pendidikan. Bermula daripada itu, sistem pendidikan telah diubah secara menyeluruh daripada kaedah pengajaran dan pembelajaran, kandungan kurikulum dan penilaian supaya lebih kondusif bagi membantu pelajar wanita berjaya di dalam pelajaran.

Perubahan sistem pendidikan yang dilakukan di Amerika pada ketika itu bertepatan dengan keadaan yang berlaku di Amerika kerana pemikiran pada waktu itu ialah pasca 'hippie' dan anti-perang yang secara tidak langsung mengubah corak pendidikan. Tambahan pula, keseimbangan antara pencapaian

lelaki dan perempuan di Amerika tidak parah kerana nilai "*judeo-christian*," "*frontier mentality*" dan "*individualisme*" masih kuat sekali gus mendesak lelaki untuk berusaha.

Berlainan pula di Malaysia. Sistem pendidikan yang digunakan di Amerika itu tidak sesuai diaplikasikan ke dalam sistem pendidikan di Malaysia kerana sejarah dan pengalaman anak tempatan Malaysia tidak sama dengan apa yang berlaku di Amerika lantas menyebabkan ramai pelajar lelaki kehilangan jati diri. Apabila proses mengaplikasi sistem pendidikan moden Barat diterapkan tanpa penelitian yang halus, maka ketempangan akan berlaku. Justeru, ramai pakar dan ahli akademik dari pelbagai universiti tempatan menyifatkan sistem pendidikan yang digunakan sekarang sebagai 'terlalu keperempuanan' hingga menyebabkan ramai pelajar lelaki tewas sejak dari bangku sekolah rendah lagi. Kesan lebih ketara apabila pelajar-pelajar lelaki ke sekolah menengah kerana di sinilah

'transit' penting yang membolehkan mereka layak ke IPT ataupun tidak.

FAKTOR-FAKTOR

Faktor sistem pendidikan dan perbezaan gender menjadi faktor utama yang mendorong tercetusnya fenomena ini. Sistem pendidikan secara umum bermaksud suatu strategi atau cara yang akan digunakan ketika melakukan proses pembelajaran. Manakala matlamat utama pendidikan ialah untuk membangunkan manusia berdasarkan fitrah insani dan melahirkan keharmonian diri. Keharmonian fitrah ini akan membangunkan kehidupan dan mendokong serta menjunjung prinsip keadilan dan kebenaran.

Malangnya, sistem pendidikan kita tidak menatijahkan insan yang sedemikian rupa, malah ada beberapa perkara yang dikritik di dalam sistem pendidikan sedia ada. **Pertama, suasana ketika proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah.** Pada asasnya

pelajar lelaki agak kurang selesa dengan aktiviti belajar yang sekadar duduk dan mendengar ucapan dari guru. Apatah lagi jika proses pembelajaran itu memakan masa yang agak lama. Pelajar lelaki lebih mesra jika proses pembelajaran itu melibatkan kecerdasan kinestetik atau pergerakan. Hal ini dapat kita amati bahawa pelajar lelaki lebih aktif jika pelajaran itu berbentuk projek yang mencabar atau melibatkan aktiviti di luar bilik darjah.

Kedua, pendidikan berorientasikan peperiksaan yang memerlukan ketekunan, ketelitian dan kerajinan menghafal untuk meraih kecemerlangan. Sifat-sifat tersebut majoritinya dimiliki oleh wanita. Ketiga, mengamalkan Prinsip Meritokrasi bagi menentukan nilai merit seseorang calon untuk melayakkannya memasuki IPTA iaitu 90 peratus markah akademik dan 10 peratus markah kokurikulum. Inilah tiga ciri utama yang dikritik.

Jika diteliti, sistem pendidikan menfokuskan beberapa potensi pelajar, manakala potensi lain seolah-olah diabaikan. Menurut Aristotle, semua potensi manusia dapat dikategorikan kepada salah satu yang berikut: Pertama, Kawasan Akal (*Cognitive Domain*), kedua Kawasan Perasaan (*Affective Domain*), dan yang ketiga Kawasan Psiko-Gerak (*Psychomotor Domain*). Boleh dikatakan bahawa sistem pendidikan di Malaysia banyak menfokuskan kepada aspek yang pertama iaitu *Cognitive Domain*, manakala dua aspek lagi kurang dititikberatkan.

Faktor kedua ialah perbezaan gender. **Pertamanya ada perbezaan dari sudut bentuk jasmani seperti bentuk, kandungan, dan sifat nutfah, dan rangka badan. Kedua ialah perbezaan dari sudut struktur otak lelaki dan perempuan di mana kedua-duanya mempunyai perbezaan dan keunikannya yang tersendiri** yang akan memberi kesan yang berbeza terhadap pancaindera kedua-dua gender seperti deria mendengar, melihat, menyentuh, merasa, mengingot

dan juga dari sudut kekuatan berimaginasi.

Semua ini akan memberi impak yang berbeza kepada kecenderungan, gaya hidup dan kemahiran kepada lelaki dan perempuan. Dan perbezaan ini turut memberi kesan semulajadi kepada cara mereka berinteraksi dengan sesuatu perkara umpamanya proses pembelajaran di sekolah. Sudah tentu kedua-dua gender berhajatkan kepada proses pembelajaran dan keperluan yang berbeza.

KESAN

Secara amnya, fenomena ini mengurangkan kualiti modal insan idaman negara yang bercita-cita menjadi negara industri dengan kebolehan kemandirian yang setanding peringkat global. Secara khusus, ia memberi kesan yang negatif terhadap institusi kekeluargaan dan keharmonian masyarakat. Kesan negatif dari sudut keluarga dapat dilihat dari dua sudut iaitu sebelum perkahwinan (trend kahwin lewat) dan selepas perkahwinan (suami tiada peranan dan kuasa di dalam menguruskan rumah tangga akibat daripada tahap pendidikan yang rendah dan gaji sedikit berbanding isteri lantas menyebabkan kes perceraian semakin meningkat).

Kesan negatif dari sudut masyarakat pula ialah berlaku peningkatan kadar jenayah terutamanya remaja berumur 18 sehingga 20 tahun, di mana sepatutnya umur yang sebegini keberadaan mereka di pusat-pusat pengajian seperti kolej dan universiti. Tambahan pula, tekanan hidup pada zaman sekarang yang kian berat, terkadang menjadi pendorong kepada mereka untuk melakukan pelbagai jenayah demi kelangsungan hidup akibat ekonomi yang tidak stabil hasil dari gaji yang sedikit natijah dari taraf pendidikan mereka yang rendah. Lantaran itu, menagih dadah menjadi aktiviti mengisi waktu lapang sebahagian besar dari mereka.

Statistik pada tahun 2015 menunjukkan umur penagih dadah

dijuarai oleh remaja berumur seawal 20 hingga 24 tahun iaitu sebanyak 21.36 peratus. Tambahan pula, ia dijuarai oleh bangsa Melayu berbanding bangsa lain iaitu 80.61 peratus. Malangnya lagi, remaja yang berada di peringkat pendidikan SPM mencatat rekod penagih yang paling ramai berbanding peringkat pendidikan lain iaitu sebanyak 36.48 peratus. Akibatnya, secara keseluruhan lelakilah yang memenuhi penjar seramai 4,544 orang berbanding wanita iaitu 182 orang.

SOLUSI

Al-Quran menjadi panduan hidup di setiap zaman dan bisa mengubati penyakit masyarakat. Fenomena ini telah mengakibatkan sifat 'Rujulah' remaja semakin pudar malah hilang dari dalam sanubari mereka. Justeru terdapat beberapa petunjuk dari al-Quran yang menyentuh akan ciri-ciri sifat *rujulah* yang patut menjadi pedoman hidup remaja.

1) *Tsabat* dengan *manhaj rabbani* sepertimana firman-Nya di Surah al-Ahzab, ayat 23 yang bermaksud: "*Di antara orang-orang yang beriman itu, ada yang bersikap benar menunaikan apa yang telah dijanjikannya kepada Allah (untuk berjuang membela Islam); maka di antara mereka ada yang telah selesai menjalankan janjinya itu (lalu gugur syahid), dan di antaranya ada yang menunggu giliran; dan mereka pula tidak mengubah (apa yang mereka janjikan itu) sedikitpun.*" Remaja hendaklah menjalani cara hidup seharian berlandaskan syariat Islam walau apapun rintangan jua halangan yang ditempuhi. Remaja tidak akan mudah terjebak dengan gejala sosial dan jenayah kerana *manhaj rabbani* menegah akan perkara tersebut.

2) Sentiasa jiwanya terpaut dengan masjid dan sukakan kebersihan dan kesucian. Firman Allah di dalam Surah at-Taubah, ayat 108 yang bermaksud: "*Jangan engkau sembahyang di masjid itu selama-lamanya, kerana sesungguhnya masjid (Qubaa) yang*



engkau bina wahai Muhammad), yang telah didirikan di atas dasar takwa dari mula (wujudnya), sudah sepatutnya engkau sembahyang padanya. Di dalam masjid itu ada orang-orang lelaki yang suka (mengambil berat) membersihkan (mensucikan) dirinya; dan Allah Mengasihani orang-orang yang membersihkan diri mereka (zahir dan batin).” Remaja hendaklah melazimi dirinya dengan masjid kerana di situ tempat yang sesuai untuk menimba ilmu dan bermuzakarah bersama alim ulama. Justeru, remaja dapat membersihkan rohani dan jasmani lantas membina sifat takwa di dalam diri.

3) Ketiga ialah sentiasa mengingati Allah dan tidak alpa dengan urusan duniawi (an-Nur: 37). Remaja yang sedemikian pastinya tidak membuat sesuatu yang merugikan diri. Meskipun maksiat itu sesuatu yang disukai oleh nafsu tetapi dengan mengingati Allah, nafsu dapat dikawal dan akan tunduk dengan arahan jiwa yang sentiasa mengingati Allah.

4) Keempat ialah suami hendaklah mempunyai sifat *Qawwamah* terhadap anak dan isteri. Firman Firman Allah Taala di dalam surah an-Nisa, ayat

الرِّجَالُ قَوَّامُونَ ﴿٤﴾

عَلَى النِّسَاءِ بِمَا فَضَّلَ اللَّهُ بَعْضَهُمْ عَلَى بَعْضٍ.

Suami sepatutnya tahu dan sedar akan tanggungjawabnya selaku ketua keluarga seperti nafkah harian, melayani kerehah mereka dengan baik, mendidik ahli keluarga dengan didikan Islami, dan menyelesaikan masalah rumahtangga dengan bijaksana

Sistem pendidikan pula seharusnya menerapkan konsep keadilan berbanding kesamarataan sebagaimana sekarang (pelajar lelaki dan perempuan diuji tahap kepandaian mereka bagi melayakkan mereka melanjutkan pelajaran ke IPTA berdasarkan prinsip meritokrasi yang mana 90 peratus mewakili kurikulum dan 10 peratus mewakili ko-kurikulum). Ini berdasarkan firman Allah Taala di dalam surah an-Nisa' ayat 58,

﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤَدُّوا الْأَمَانَاتِ إِلَىٰ أَهْلِهَا وَإِذَا

حَكَمْتُمْ بَيْنَ النَّاسِ أَنْ تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ﴾

Jadi, berdasarkan mafhum ini, sistem pendidikan seharusnya digubah atau ditransformasi dan diislah supaya prinsipnya lebih cenderung kepada keadilan; yang meraikan kecenderungan kedua-dua gender seperti menyeimbangkan peratusan di antara kurikulum dengan ko-kurikulum seperti 60 peratus mewakili kurikulum dan 40 peratus mewakili ko-kurikulum. Dengan ini, lelaki agak mudah untuk melayakkan dirinya melanjutkan pelajarannya ke peringkat Universiti lantas fenomena negatif ini dapat diatasi sedikit demi sedikit. □



33

JENDELA PEMIKIRAN UMMAH

dakwah

www.dakwah.com.my

MEI / JUN 2017 | SYA'BAN / RAMADHAN 1438H

*Merancang,
Jalan Para
Rasul*

MAJALAH INI MENGANDUNGI
AYAT SUCI AL-QURAN,
PELIHARALAH KESUCIANNYA

Hati Ini
Terbuat
Dari Apa?

NASIB BAIK
TIDAK JADI
YAHUDI

HARGA
RM 8.00 SEM. MALAYSIA
RM 10.00 SBH / SWK

Pengajaran
Buat Si Dewasa

**GILA
MEROYAN?**

Ketika ini ia memerlukan
belaian kasih sayang..

ISSN 0126-5938



9 770126 593007



MUHASABAH

UJIAN
PRASANGKA
SI GADIS SEKSI



JAUHAR HIKMAH

PELAJARAN
DARIPADA
SEGELAS KOPI